

# Sikap praktikal teras pendirian diplomatik negara

Um- 3/4/2007

KUALA LUMPUR 2 April – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, sikap praktikal akan terus menjadi pendirian diplomatik negara dalam menjalin hubungan dan menangani sebarang masalah dua hala, serantau atau multilateral.

Menurut Perdana Menteri, meskipun polisi luar negara sentiasa berasaskan kepada prinsip-prinsip tertentu, pendekatan praktikal ini perlu diamalkan memandangkan polisi luar tidak harus kekal statik.

Namun begitu, katanya, pengamalan pendekatan ini tidak bermakna prinsip-prinsip negara seperti tidak campur tangan dalam hal ehwal negara luar dan penyelesaian secara berdamai akan diketepikan begitu sahaja.

“Inilah had kepada sikap praktikal kita. Integriti kita sebagai rakyat mesti dikekalkan dan reputasi kita sebagai negara yang menghormati tanggungjawabnya mesti dilindungi,” tegas Abdullah ketika berucap merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Misi 2007 di sini hari ini.

Persidangan lima hari itu dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan duta-duta Malaysia dari seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata, pada peringkat hubungan dua hala, Malaysia mahu mempunyai hubungan baik dengan semua negara dan tidak bermusuhan dengan mana-mana daripada mereka.

“Malaysia komited penuh kepada prinsip-prinsip yang merangkumi keperluan bersikap sensitif kepada perasaan dan keprihatinan negara luar, khususnya dengan negara-negara jiran terdekat,” katanya.

Malaysia, tambah beliau, tidak berkein-



**ABDULLAH Ahmad Badawi, Syed Hamid Albar dan para pegawai kanan Wisma Putra bergambar dengan sebahagian daripada duta-duta Malaysia selepas majlis Persidangan Ketua-Ketua Misi Malaysia 2007 di Kuala Lumpur, semalam.**

ginan untuk mempengaruhi negara lain dari segi pendapat tetapi sebaliknya, sedia berkongsi pengalaman dan pengetahuan

terutama dengan negara-negara membangun lain.

Bagi manfaat bersama, kata Abdullah,

Malaysia akan terus mempromosikan kerjasama dua hala dengan seberapa banyak negara dan sektor.